


## **Bab 7: Perakaunan Kos**

### **Konsep Kos**


1. Jumlah perbelanjaan dan kos yang terlibat dalam proses pengeluaran dikenali sebagai **kos pengeluaran**.
2. Pengekosalah 1 bidang perakaunan yang mengumpul, menganalisis dan memproses maklumat kos untuk tujuan:
  - a) pengawalan kos
  - b) mengenal pasti jenis-jenis kos
  - c) menetapkan harga jualan
  - d) mengelakkan pembaziran
  - e) menjamin keuntungan syarikat
3. Kos pengeluaran terbahagi kepada 2 jenis, iaitu Kos Tetap dan Kos Berubah.  
$$\text{Kos Pengeluaran} = \text{Kos Berubah} + \text{Kos Tetap}$$
$$\text{Kos Pengeluaran} = \text{Kos Prima} + \text{Kos Overhed}$$
4. Kos Tetap ialah **kos yang tidak berubah walaupun pengeluaran berubah**. Ia adalah kos yang dibayar untuk penggunaan faktor-faktor tetap seperti kilang dan mesin.

Contoh: Sewa kilang, susutnilai mesin, gaji pengurus, insurans kilang



5. Kos Berubah ialah **kos yang berubah secara langsung dengan jumlah pengeluaran**. Ia merupakan bayaran terhadap faktor-faktor berubah yang digunakan dalam proses pengeluaran. Jika unit pengeluaran meningkat, kos berubah akan bertambah.

Contoh: kos bahan mentah, kos buruh langsung, belanja langsung



### **Kos Prima**

1. Kos prima adalah kos berubah.

$$\text{Kos Prima} = \text{Kos Bahan Langsung} + \text{Kos Buruh Langsung} + \text{Belanja Langsung}$$

\* Contoh belanja langsung : bayaran royalti cap dagangan (patent)

Contoh:

Inventori awal bahan mentah	420
Inventori akhir bahan mentah	920
Belian bahan mentah	8000
Duti atas bahan mentah	280
Upah langsung	2000
Belanja Langsung	230

Kirakan Kos Prima.

### **Kos Bahan Langsung (KBnL)**

1. Bahan langsung ialah bahan yang digunakan untuk menghasilkan barang.
2. Ia merangkumi semua kos yang terlibat dalam pembelian bahan langsung seperti duti import, angkutan masuk, insurans atas belian.

$KBnL = \text{Inventori Awal Bahan Langsung} + \text{Belian bahan langsung} + \text{Kos lain} - \text{Inventori akhir bahan langsung}$

### **Kos Buruh Langsung (KBrL)**

1. Kos yang terlibat secara langsung dalam proses pengeluaran iaitu proses menukar bahan mentah menjadi barang siap. Contoh: Upah operator kilang, gaji pengeluaran, upah buruh kilang, upah buruh langsung, gaji langsung

### **Belanja Langsung**

1. Kos belanja yang terlibat secara langsung dalam proses pengeluaran barangan atau perkhidmatan.

Contoh: Paten, Royalti, Cap dagangan, Bayaran francais

### **Kos Overhed**

1. Kos Overhed ialah kos yang berkaitan secara tidak langsung dalam proses pengeluaran, tetapi berkaitan dengan pengurusan kilang.

2. Ia merupakan kos tetap, iaitu mesti dibayar tidak kira sama ada pengeluaran bertambah atau berkurang.

Contoh: Sewa kilang, cukai tanah, susutnilai mesin, insurans kilang, belanja alat-alat kecil

$\text{Kos Overhed} = \text{Kos bahan tidak langsung} + \text{kos buruh tidak langsung} + \text{belanja tidak langsung}$

Contoh bahan tidak langsung: bahan api, minyak pelincir

Contoh buruh tidak langsung: gaji pengurus, gaji eksekutif, gaji kerani

Contoh belanja tidak langsung: belanja alat-alat kecil, insurans kilang, sewa kilang, cukai tanah

Tip: Sesetengah kos seperti sewa, insurans melibatkan kilang dan pejabat harus dibahagikan mengikut nisbah.

Perbelanjaan kilang diambil dalam Akaun Pengeluaran, Perbelanjaan pejabat diambil dalam Penyata Pendapatan.

### **Kerja dalam proses**

Biasanya terdapat barang-barang separuh siap pada akhir tempoh perakaunan yang dikenali sebagai kerja dalam proses/ kerja sedang dijalankan.

$\text{Kos pengeluaran barang siap} = \text{Kos Pengeluaran} + \text{Kerja dalam proses awal} - \text{Kerja dalam proses akhir}$

Contoh Soalan SPM:

Maklumat berikut diperolehi daripada Son Percetakan Sdn Bhd bagi tahun berakhir 31 Dis 20X9.

	RM
Inventori pada 1 Jan 20X9:	
Bahan Mentah	28,000
Kerja dalam Proses	7,500
Alat-alat kecil	2,000
Barang Siap	5,700
Inventori pada 31 Dis 20X9:	
Bahan Mentah	20,300
Kerja dalam Proses	8,450
Alat-alat kecil	1,800
Barang Siap	6,700
Belian Bahan Mentah	42,000
Belian Barang Siap	32,900
Pulangan Belian Bahan Mentah	1,200
Jualan Barang Siap	185,500
Pulangan Belian Barang Siap	1,500
Angkutan Masuk Bahan Mentah	650
Upah Pekerja Kilang	18,500
Gaji Pengurusan & Jurutera	1,800
Insurans	5,600
Sewa dan Kadar Bayaran	14,400
Susutnilai Mesin	6,000
Belanja Pejabat Lain	6,800

Maklumat Tambahan:

- i) Sewa dan kadar bayaran kilang termasuk sewa RM800 bagi bulan Jan 20X9 dan RM4,000 untuk pejabat.
- ii) Upah pekerja kilang termasuk upah pengawal kilang sebanyak RM2,500.
- iii) Belanja Am kilang belum bayar berjumlah RM480.
- iv) Insurans sebanyak RM2,200 dibayar untuk pejabat pengurusan. Susutnilai mesin termasuk susutnilai mesin RM1,200 di pejabat pengurusan.
- v) Gaji pengurusan dan jurutera dibahagikan antara kilang dan pejabat mengikut nisbah 2:1.

Anda dikehendaki menyediakan:

- a) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Dis 20X9.
- b) Akaun Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Dis 20X9.



## Analisis Titik Pulang Modal

### Titik Pulang Modal (TPM)

1. Titik menunjukkan **jumlah jualan = jumlah kos (Tiada untung atau rugi)**
2. Kegunaan TPM :
  - a) menunjukkan jumlah keuntungan atau kerugian pada suatu peringkat pengeluaran.
  - b) menghitung sumbangan suatu jualan kepada firma.
  - c) membantu pengurus dalam perancangan dan pengawalan belanjawan.
  - d) menganggar jumlah kos dan jumlah peaburan yang diperlukan untuk memulakan sesuatu pengeluaran
3. Pihak pengurus boleh menggunakan analisis ini untuk merancang bagi mengurangkan titik pulang modal. Matlamat boleh dicapai dengan
  - a) menambahkan harga jualan
  - b) mengurangkan kos tetap
  - c) mengurangkan kos berubah seunit
4. TPM boleh diperolehi dengan cara:
  - a) melukis graf titik pulang modal
  - b) menggunakan formula

$\text{TPM (unit)} = \frac{\text{Kos Tetap}}{\text{Harga seunit} - \text{kos berubah seunit (margin caruman seunit)}}$
--

$$\text{Margin Caruman} = \text{Jualan seunit} - \text{Kos berubah seunit}$$

Contoh:

Jumlah jualan	1000 unit
Harga jualan seunit	RM5.00
Kos berubah seunit	RM2.50
Kos Tetap	RM1,000

Jawapan:


Menghitungkan TPM dengan

- a) melukis graf titik pulang modal
- b) menggunakan formula

## Untung Sasaran

$\text{Jumlah Pengeluaran} = \frac{\text{Kos tetap} + \text{Untung sasaran}}{\text{Margin Caruman seunit}}$
---

Contoh:

Kos tetap	RM10,000
Kos berubah seunit	RM3.00
Harga jualan seunit	RM5.00
Untung sasaran	RM5,000

Jawapan: